

PEMBANGUNAN 'FINANCIAPRENEUR' SISTEM PENGURUSAN ALIRAN TUNAI DAN JUALAN PERNIAGAAN BAGI KOMUNITI B40

Muhammad Arif Fitry Saiful Amry & Kok Ven Jyn

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

Wabak Covid-19 yang telah melanda seluruh negara baru baru ini telah menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup serta mengakibatkan jutaan pekerja di negara kita hilang pekerjaan. Hal ini telah menyebabkan rakyat terpaksa bekerja ataupun memulakan bisnes kecil-kecilan bagi membantu menambahkan pendapatan keluarga. Namun, kebanyakan daripada mereka tidak berjaya dalam menguruskan perniagaan yang mereka usahakan. Ketiadaan ilmu perniagaan serta keusahawanan merupakan faktor utama bagi kegagalan perniagaan mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk memberikan dan menyediakan satu platform pengurusan bisnes yang boleh membimbing, menyediakan analisa harian berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan serta memberikan bantuan yang sewajarnya kepada semua golongan pemula perniagaan dalam kalangan B40 yang ingin memulakan aktiviti keusahawanan dengan pembangunan platform laman web pengurusan bisnes (Smart Suripreneur). Laman Web ini terdiri daripada daripada Beberapa modul utama iaitu modul aliran tunai dan jualan (Financiapreneur), modul latihan, modul bimbingan dan lain lain. Walaubagaimanapun, kajian ini akan memfokuskan kepada modul aliran tunai dan jualan (Financiapreneur) yang akan membantu pengguna untuk meneliti dan menganalisis aliran tunai dalam perniagaan mereka. Modul Financiapreneur ini terdiri daripada analisa bulanan bagi aliran tunai perniagaan pengguna iaitu graf aliran tunai bagi setiap bulan, sasaran aliran tunai setiap bulan, serta kebolehan untuk menghasilkan laporan aliran tunai perniagaan bulanan dan juga ruang kemasukan data debit dan kredit harian ke dalam pangkalan data untuk tujuan penganalisan data aliran tunai perniagaan serta penjanaaan dokumen rancangan perniagaan bagi membantu peniaga untuk memohon bantuan perniagaan. Metodologi yang bakal digunakan bagi pembangunan modul aliran tunai ini ialah dengan menggunakan pembangunan perisian Agile yang memfokuskan kepada penambahbaikan berterusan yang dapat membantu memudahkan segala urusan pembangunan serta penambahbaikan laman web. Pembangunan modul aliran tunai ini diharap dapat membantu pengguna sistem ini untuk

merancang strategi perniagaan serta perbelanjaan keluar masuk bagi memastikan perniagaan yang dijalankan dapat mencapai keuntungan lantas menyumbang kepada kejayaan.

Kata kunci: Aliran Tunai Perniagaan, Sistem Berasaskan Web, Laravel, MySQL

Pengenalan

Kenaikan kos sara hidup dan kegawatan masalah ekonomi dalam negara kita telah menjadi punca dalam kesusahan hidup rakyat Malaysia pada masa kini. Hal ini telah menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia bekerja bagi menampung perbelanjaan keluarga. Namun begitu, tidak semua daripada mereka mempunyai kelayakan pekerjaan kerana kewujudan persaingan dalam alam pekerjaan dek kerana peningkatan tenaga kerja mahir yang wujud daripada dalam dan juga luar negara menyebabkan mereka memilih untuk perniagaan sendiri.

Kebanyakan daripada peniaga baru ini lebih gemar memilih untuk mula dengan menjalankan menjalankan bisnes kecil-kecilan yang terdiri daripada beberapa cabang seperti perniagaan kecil-kecilan, aktiviti dropship, menjalankan servis perkhidmatan dan lain-lain. Namun, tidak semua diantara mereka mempunyai ilmu yang diperlukan untuk menjalankan sebuah bisnes yang berjaya. Ilmu yang tidak mencukupi ini lah yang telah menyebabkan ramai diantara mereka memperoleh kerugian hasil daripada kegiatan bisnes yang dijalankan.

Bagi mengatasi masalah ini, laman web pengurusan bisnes Smart Suripreneur dibangunkan. Smart Suripreneur merupakan satu laman web yang dibangunkan dengan tujuan untuk membantu, membimbing dan juga memberi bantuan sewajarnya kepada golongan B40 yang ingin memulakan perniagaan. Laman web Smart Suripreneur ini terdiri beberapa modul utama seperti iaitu modul aliran tunai dan jualan (Financiapreneur), modul latihan, modul bimbingan, modul sistem sokongan keputusan dan lain lain.

Walaupun bagaimanapun, Kajian ini akan memfokuskan kepada modul aliran tunai yang akan membantu pengguna untuk meneliti dan menganalisis aliran tunai dalam perniagaan mereka. Modul aliran tunai merupakan modul yang digunakan oleh para pengguna untuk menguruskan segala urusan keluar

masuk tunai bagi setiap transaksi jualan mahupun belanja atas urusan perniagaan. Modul aliran tunai ini dilengkapi dengan berapa fitur utama seperti analisa bulanan bagi aliran tunai perniagaan pengguna iaitu graf aliran tunai bagi setiap bulan, paparan perbelanjaan serta deskripsi perbelanjaan, sasaran keuntungan setiap bulan, serta kebolehan untuk menghasilkan invois perniagaan bulanan serta penyimpanan dokumen berkaitan perniagaan dan juga penghasilan dokumen rancangan perniagaan bagi membantu pengguna memohon bantuan perniagaan.

Objektif pembangunan modul aliran tunai (Financiapreneur) bagi sistem web pengurusan bisnes bagi golongan warga B40(Smart Suripreneur) adalah untuk: -

1. Membangunkan platform berpusat bagi memberikan dorongan serta membantu golongan pemula perniagaan khususnya bagi membantu golongan suri rumah warga B40 yang ingin memulakan perniagaan dan perkhidmatan dengan mewujudkan satu platform yang menggabungkan pelbagai fungsi yang diharapkan dapat membantu golongan pemula bisnes
2. Menyediakan alatan-alatan yang boleh memantapkan analisa aliran tunai pengguna serta membantu pengguna dalam urusan pengauditan dan penggunaan pangkalan data untuk tujuan penyimpanan dokumen penting perniagaan.

Modul aliran tunai dalam sistem pengurusan bisnes merupakan suatu keperluan bagi memastikan pengguna dapat menguruskan bisnes mereka. Berdasarkan analisa ke atas sistem pengurusan kewangan bagi bisnes dan juga aliran tunai sedia ada, terdapat beberapa masalah dan isu yang telah dikenalpasti. Masalah yang telah dikenalpasti antaranya ialah ketiadaan platform pengurusan bisnes berpusat yang dilengkapi dengan seluruh aspek yang diperlukan bagi memulakan bisnes seperti bantuan permodalan bisnes, penganalisis aliran tunai bisnes, bimbingan serta dorongan bisnes dan lain lain yang sesuai untuk golongan pemula bisnes. Selain itu, terdapat kekurangan yang dikenalpasti

terhadap sistem sedia ada iaitu ketiadaan fitur pengurusan aliran tunai yang dibangun selari dengan pemula perniagaan iaitu hanya mempunyai analisis keluar masuk aliran tunai sahaja.

Seterusnya, sistem sedia ada yang dikenalpasti tiada ruang penyimpanan khusus untuk memuatnaik resit-resit perbelanjaan yang berkaitan dengan sesi perniagaan bagi memudahkan urusan pengauditan tahunan atau bulanan. Di samping itu, kebanyakan sistem sedia ada hanya menyediakan perkhidmatan berbayar kepada semua pengguna yang sudah pastinya tidak berbaloi jika ingin digunakan oleh peniaga-peniaga kecil. Akhir sekali, kebanyakan sistem pengurusan perniagaan yang sedia ada memfokuskan kepada perniagaan-perniagaan besar sahaja.

Berdasarkan masalah-masalah yang telah dinyatakan, terdapat beberapa cadangan penyelesaian yang boleh dilakukan. Cadangan penyelesaian yang boleh disimpulkan antaranya ialah dengan membuat satu sistem khusus yang menggabungkan fungsi-fungsi seperti analisa aliran tunai, perkhidmatan pembimbing bagi membantu peniaga peniaga baru, Latihan kepada peniaga bagi membantu memantapkan lagi ilmu perniagaan kepada golongan pemula serta pelbagai fungsi lain di dalam satu platform berpusat yang dikhususkan kepada golongan warga B40 yang ingin memulakan perniagaan ataupun menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

Selain itu, penyelesaian yang boleh dilakukan adalah dengan menambahbaik fungsi dan fitur aliran tunai dengan menambahkan fungsi-fungsi baru seperti penetapan sasaran bulanan perniagaan, analisa tambahan bagi aliran tunai dengan infografik tambahan seperti graf, serta laporan aliran tunai audit perniagaan bulanan dan juga penjanaan dokumen rancangan perniagaan. Di samping itu, selaras dengan objektif pembangunan sistem ini, sebuah platform pengurusan bisnes yang tidak mengenakan sebarang bayaran kepada pengguna perlu diwujudkan bagi membantu golongan warga B40.

Skop pelaksanaan projek ditetapkan mengikut objektif projek yang akan dibina. Terdapat beberapa skop untuk projek yang mesti diikuti. Antaranya adalah:

a. Modul Graf Debit

Pada bahagian ini, pengguna boleh menganalisa komponen-komponen debit seperti nilai jualan, komisen dan juga hasil perolehan bagi setiap hari dalam bulan terkini yang membolehkan pengguna untuk melihat tahap perniagaan mereka di mana mereka boleh mengetahui perkembangan harian bagi perniagaan mereka.

b. Modul Jualan Terbaru

Pada bahagian ini, sistem akan memaparkan jumlah jualan terbaru bagi setiap bulan bagi membolehkan pengguna mengetahui jumlah jualan mereka bagi bulan tersebut.

c. Modul Sasaran Aliran Tunai

Pada bahagian ini, pengguna dapat menetapkan sasaran bulanan aliran tunai perniagaan mereka dan sistem akan memaparkan sama ada pengguna telah pun melepasi sasaran bulanan ataupun tidak supaya pengguna dapat mengetahui prestasi perniagaan mereka dan membolehkan pengguna untuk bertindak mengikut sasaran bulanan yang mereka telah tetapkan.

d. Modul Deskripsi Perbelanjaan

Pada bahagian ini, pengguna boleh memasukkan nilai perbelanjaan mengikut jenis perbelanjaan yang dilakukan dan sistem akan menunjukkan segala deskripsi perbelanjaan pengguna dalam bulan terbaru dan mengira jumlah perbelanjaan pengguna dalam bulan tersebut bagi membolehkan pengguna untuk melihat ke mana perbelanjaan mereka dilakukan serta jumlah perbelanjaan mereka.

e. Modul Penetapan Aliran Tunai Harian

Pada bahagian pengguna dapat memasukkan nilai debit dan kredit perniagaan mereka untuk disimpan di dalam pangkalan data bagi membolehkan sistem untuk menganalisis dan mengira aliran tunai perniagaan pengguna.

g. Modul Penghasilan Laporan Aliran Tunai Bulanan

Pada bahagian ini, pengguna dapat menghasilkan dokumen aliran tunai bulanan atau tahunan mereka di mana sistem akan menggunakan nilai jualan, hasil dan perbelanjaan perniagaan mereka bagi membolehkan pengguna untuk menggunakannya jika untuk tujuan pengauditan.

f. Modul Penjana Dokumen Rancangan Perniagaan

Pada bahagian ini, pengguna dapat menjana dokumen rancangan dengan mengisi borang yang disediakan mengikut butiran perniagaan pengguna. Dokumen rancangan pengguna ini penting bagi membantu pengguna memohon sebarang bantuan perniagaan. Dokumen yang akan dijana ini akan dijana dalam jenis fail dokumen (.word) bagi membolehkan pengguna mengubah sendiri dokumen yang dijana jika mereka ingin menambah sesuatu.

Metodologi Kajian

Model pendekatan Agile dipilih untuk projek modul pengurusan aliran tunai dan jualan Financiapreneur ini agar dapat menghasilkan produk berkualiti tinggi dengan lebih pantas dan pengurusan projek yang lebih berkesan. Teknik Agile menekankan maklumbalas pengguna dalam setiap penambahbaikan dan berterusan. Teknik Agile dibahagikan kepada enam peringkat: perancangan, analisis, keperluan, reka bentuk, pembangunan, pengujian, dan penilaian. Berikut adalah penjelasan bagi setiap fasa Agile:



Rajah 1 Metodologi Agile

Fasa Perancangan (Planning)

Untuk memenuhi keperluan projek dengan lebih teliti dan jelas, fasa ini memerlukan analisis tajuk, pernyataan masalah dan teknik penyelesaian isu. Penilaian keperluan pelanggan untuk pembangunan oleh modul aliran tunai dan jualan (Financiapreneur) juga dijalankan.

Fasa Analisa Keperluan (Requirements)

Fasa ini merupakan fasa di mana analisa terhadap apa yang diinginkan oleh pengguna ke atas sistem agar pembangun modul ini dapat menyertakan fitur-fitur yang diinginkan serta paparmuka yang sesuai dan mesra pengguna.

Fasa Reka Bentuk (Design)

Pembangunan prototaip yang berkualiti adalah penting untuk pembangunan web. Berdasarkan data yang dikumpul semasa peringkat awal mereka bentuk paparmuka modul aliran tunai Smart

Suripreneur, prototaip modul aliran tunai Smart Suripreneur telah dibangun. graf aliran tunai bagi setiap bulan, paparan perbelanjaan serta deskripsi perbelanjaan, sasaran keuntungan setiap bulan, serta kebolehan untuk menghasilkan invois perniagaan bulanan akan dipaparkan oleh modul aliran tunai dan jualan (Financiapreneur).

Fasa Implementasi (Implementation)

Fasa ini, merupakan fasa untuk membangunkan paparmuka modul aliran tunai Smart Suripreneur telah direka cipta. Perisian persekitaran pembangunan bersepadu (IDE) yang digunakan bagi membangunkan oleh modul aliran tunai dan jualan (Financiapreneur) adalah Visual Studio Code. Pangkalan data PHPMyadmin(Mysql) telah digunakan untuk tujuan menyimpan data dalam pangkalan data awan.

Fasa percubaan (Testing)

Fasa ini merupakan fasa dimana pembangun web akan menjalankan pengujian keatas laman web yang mereka bangunkan secara terperinci agar sistem yang dibangun menepati setiap keperluan yang diinginkan oleh ahli eksekutif sistem ini serta memastikan laman web ini dapat berfungsi seperti yang dikehendaki serta bebas daripada sebarang bugs dan errors.

Fasa Penyelenggaraan(Evaluation)

Fasa ini merupakan fasa dimana setiap aspek dalam sistem akan diselenggara dan dibaikpulih supaya sistem dapat beroperasi dalam keadaan yang baik dan memberikan fungsi yang sepatutnya.

Keputusan dan Perbincangan

Berdasarkan kajian dan proses pembangunan modul finansiapreneur serta proses pengujian yang dijalankan untuk menjayakan projek ini, terhasillah sistem ini yang mempunyai paparan antara muka yang dibentuk daripada keperluan pengguna iaitu paparan antara muka yang mudah difahami mereka serta ilustrasi aliran yang diperlukan mereka termasuk carta, graf dan segala alatan yang dibangunkan dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi perniagaan pengguna. Titik hubungan manusia-komputer dan komunikasi dalam peranti ialah antara muka pengguna (UI). Ini boleh termasuk paparan desktop, papan kekunci, tetikus dan peranti penunjuk lain. Ia juga merujuk kepada cara pengguna melibatkan diri dengan tapak web atau aplikasi.

REKA BENTUK ANTARA MUKA HALAMAN UTAMA

Rajah di bawah menunjukkan antara muka Halaman utama bagi sistem utama SmartSuripreneur. Di dalam antara muka ini, terdapat menu yang menghubungkan pelbagai modul seperti modul bisnes profil, modul aliran tunai dan jualan (Finansiapreneur), modul latihan, modul DSS, dan modul pemasaran dan modul pembimbingan. Walaubagaimanapun, kajian ini akan memfokuskan kepada modul aliran tunai dan jualan (Finansiapreneur). Untuk memasuki modul aliran tunai dan jualan (Finansiapreneur), Pengguna perlu menekan butang “Jualan” pada bahagian atas sistem. Selain itu, antara muka halaman utama ini memaparkan info-info berkaitan setiap modul.

The screenshot displays the Smart SuriPreneur dashboard with the following components:


- Header:** "Smart SuriPreneur" logo and user profile icon.
- Navigation Bar:** Dashboard, Bisnes Profil, Jualan, Latihan, DSS, Bimbingan, Pemasaran.
- Dashboard Content:**
 - Coaching 2:** Kek Brownis (08/02/2023), Shaklee (10/03/2023).
 - Trend Pendapatan:** Placeholder for a revenue trend chart.
 - Product Selection:** Widget for product selection tools with a "Buka" button.
 - Senarai Bisnes (Business List):**

ITEM BISNES	JENIS BISNES	JUALAN	RM	STATUS
Kek Brownis	Produk	90	5,000	Start Up
Shaklee	Dropship	9,100	33,000	Growth
 - Training 2:** Kek Brownis (Pengurusan Operasi Perniagaan, Jualan dan Pemasaran), Shaklee (Strategik Pelan Bisnes, Perancangan Kewangan).
- Footer:** 2023© Keenthemes, About, Support, Purchase.

Rajah 2 antara muka dashboard utama SmartSuripreneur

REKA BENTUK ANTARA MUKA PILIH JENIS BISNES

Antara muka ini merupakan antara muka pemilihan bisnes yang memaparkan semua jenis bisnes yang pengguna jalankan. Sebaik sahaja memasuki modul aliran tunai, pengguna dikehendaki untuk memilih jenis bisnes yang dijalankan. Bisnes-bisnes ini boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu produk, dropship, perkhidmatan dan juga langganan. Setiap bisnes yang dimiliki akan dihadirkan dengan butang "Mula" yang berlabel. Butang "Mula" ini akan memaparkan deskripsi aliran tunai perniagaan bagi bisnes yang dipilih pengguna.




Rajah 3 antara muka Pemilihan perniagaan

REKA BENTUK ANALISA ALIRAN TUNAI

Antara muka ini merupakan laman utama bagi modul aliran tunai yang memaparkan hampir kesemua fungsi utama dalam modul ini. Di dalam antara muka ini terdapat beberapa fitur utama modul aliran tunai. Fitur utama modul aliran tunai ini antaranya ialah, paparan infografik dalam bentuk graf yang memaparkan data debit perniagaan bulanan pengguna dalam rajah 3.55. Selain itu, terdapat 3 bahagian yang memaparkan informasi berkaitan aliran tunai perniagaan di dalam bahagian “Analisa Aliran Tunai Perniagaan” iaitu jumlah jualan bagi bulan terkini, jumlah perbelanjaan bagi bulan terkini serta perbandingan sasaran perniagaan yang membolehkan pengguna mengetahui sama ada perniagaan mereka sudah mencapai sasaran yang diinginkan ataupun belum. Selain itu juga, terdapat satu bahagian “Kalendar Perniagaan” yang akan memaparkan data debit dan kredit perniagaan pengguna dalam bentuk kalendar supaya pengguna dapat melihat sendiri produktiviti perniagaan mereka, Seterusnya, terdapat ruang deskripsi debit dan kredit yang akan memaparkan deskripsi setiap transaksi aliran tunai yang dijalankan supaya membolehkan pengguna mengetahui dari mana sumber tunai perniagaan mereka dan ke mana

perbelanjaan mereka dilakukan. Di samping itu, pengguna dapat menginput data debit dan kredit harian mereka di bahagian “Kemaskini Data Perniagaan” dengan menekan sama ada butang “Tambah Debit” atau “Tambah Kredit” serta memasukkan gambar dokumen transaksi perbelanjaan seperti resit ke dalam pangkalan data sistem. Seterusnya, terdapat bahagian “Penjanaan Dokumen Perniagaan” yang akan memaparkan dua pilihan sama ada untuk pengguna menjana dokumen rancangan perniagaan ataupun menjana laporan aliran tunai bulanan perniagaan.



Rajah 4 antara muka Analisa Aliran Tunai

REKA BENTUK ANTARA MUKA KALENDAR PERNIAGAAN

Kalendar Perniagaan merupakan seksyen yang akan memaparkan kalendar seperti kalendar biasa. Namun, ia akan memaparkan setiap transaksi debit dan kredit yang pengguna masukkan mengikut tarikh transaksi tersebut dijalankan.

The screenshot displays the 'Smart SuriPreneur' interface. At the top, there is a navigation bar with icons for Dashboard, Bisnes Profil, **Jualan**, Latihan, DSS, Bimbingan, and Pemasaran. Below this, the user's profile 'Jari Jemari Salleh' is shown with a shopping cart icon. A secondary navigation bar includes links for 'Analisa Alliran Tunai', **Kalendar Perniagaan**, 'Kemaskini Data Perniagaan', and 'Penjanaan Dokumen Perniagaan'. The main content area is titled 'Kalendar Perniagaan' and shows a calendar for 'Julai 2023'. The calendar grid includes days of the week and dates from 25 to 5. Transactions are listed in boxes on the calendar cells:

Sunday	Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday
25	26	27	28	29	30	1 event Debit: Gaji RM 200
2 event Debit: Jualan Harian RM 200	3	4	5 event Debit: Jualan Harian RM 50	6 event Kredit: Bil Utiliti RM 100	7	8
9 event Debit: Jualan Harian RM 55	10	11 event Debit: Jualan Harian RM 55	12	13 4 events Debit: Jualan Harian RM 24 Debit: Jualan	14 event Debit: Jualan Harian RM 37	15 event Debit: Jualan Harian RM 102
16 event Debit: Jualan Harian RM 12	17	18 event Debit: Gaji Bulanan RM 30	19 event Debit: Jualan Harian RM 50	20 3 events Debit: Jualan Harian RM 47 Kredit: Makanan	21	22 event Debit: Jualan Harian RM 100
23	24	25	26	27	28	29 event Debit: Jualan Harian RM 110
30	31	1	2	3	4	5

Rajah 5 antara muka Kalendar Perniagaan

REKA BENTUK ANTARA MUKA KEMASKINI DATA PERNIAGAAN

Kemaskini data Perniagaan merupakan seksyen yang akan memparkan dua bahagian iaitu Debit (berwarna hijau) dan juga Kredit (berwarna merah). Di dalam bahagian ini, pengguna dapat memasukkan data debit dengan menekan butang “Tambah Debit” dan juga menambah data kredit dengan menekan butang “Tambah Kredit”. Selain itu, setelah memasukkan data debit dan kredit, pengguna boleh mengemaskini dan ubah data yang mereka telah masukkan dengan menekan butang “Kemaskini Debit” dan “Kemaskini Kredit” berwarna kuning. Seterusnya, pengguna juga boleh melihat Butiran Debit yang mereka masukkan dengan menekan butang “Butiran Debit Bulan Ini” (butang berwarna biru).

Smart SuriPreneur

Dashboard | Bisnes Profil | **Jualan** | Latihan | DSS | Bimbingan | Pemasaran

Jualan > Jari Jemari Salleh

Jari Jemari Salleh

Analisa Aliran Tunai | Kalendar Perniagaan | **Kemaskini Data Perniagaan** | Penjana Dokumen Perniagaan

Kemaskini Data Perniagaan

S Debit + Tambah Debit Kemaskini Debit Butiran Debit Bulan ini

No.	Tarikh	Deskripsi	Amaun (RM)
1	2023-05-28	Komisen Jualan Harian	60.00
2	2023-05-28	Upah Harian	50.00
3	2023-06-16	Jualan Amal	100.00
4	2023-06-10	Jualan Harian	15.00
5	2023-06-01	Jualan Harian	30.00
6	2023-06-02	Jualan Harian	25.00
7	2023-06-03	Jualan Harian	40.00

S Kredit + Tambah Kredit Kemaskini Kredit


No.	Tarikh	Deskripsi	Amaun (RM)
1	2023-05-28	Bil Utiliti	23.00
2	2023-05-28	Bayaran Sewa	50.00
3	2023-06-06	Bayaran Agen	200.00
4	2023-06-06	Iklan	1,000.00
5	2023-06-18	Bil Utiliti	60.00
6	2023-07-06	Bil Utiliti	100.00
7	2023-07-20	Makanan	10.00

2023© Keenthemes About Support Purchase

Rajah 5 antara muka Kemaskini Data Perniagaan

REKA BENTUK ANTARA MUKA PENJANAAN DOKUMEN PERNIAGAAN

Di dalam paparan ini, pengguna boleh memilih sama ada untuk menjana dokumen rancangan perniagaan dengan menekan butang “Jana Dokumen Rancangan Perniagaan” (seksyen atas) yang akan memaparkan bahagian Penjanaan Dokumen Rancangan Perniagaan ataupun “Jana Laporan Aliran Tunai Bulanan” (seksyen bawah) yang akan memaparkan laporan aliran tunai mengikut bulan yang pengguna ingini.



Rajah 7 antara muka Penjanaan Dokumen Perniagaan

REKA BENTUK ANTARA MUKA JANA LAPORAN ALIRAN TUNAI

Setelah menekan butang “Jana Laporan Aliran Tunai Bulanan, pengguna akan dipaparkan dengan laporan aliran tunai bulanan seperti dalam rajah. Pengguna dikehendaki memilih bulan yang diinginkan terlebih dahulu dan kemudia sistem akan memaparkan data aliran tunai bagi bulan tersebut. Pengguna boleh memuat turun laporan tersebut dengan menekan butang “Muat Turun Dokumen” serta mencetak laporan tersebut dengan menekan butang “Cetak Dokumen”.

Smart SuriPreneur

Dashboard | Bisnes Profil | **Jualan** | Latihan | DSS | Bimbingan | Pemasaran

Jualan > Jari Jemari Salleh > Jana Laporan Aliran Tunai

MUHAMMAD ARIF FITRY BIN SAIFUL AMRY
af82382@siswa.ukm.edu.my

Laporan Aliran Tunai Bulanan

TARIKH: 18 Julai 2023 | Nama Perniagaan: Jari Jemari Salleh | Bulan: Julai

Debit	
Deskripsi	Amount
Jualan	RM 1,212.00
Komisen	RM 240.00
Lain Lain	RM 0.00
	RM 1,452.00

Kredit	
Deskripsi	Amount
Perbelanjaan	RM 112.00
Pengantaran	RM 0.00
Lain Lain	RM 0.00
	RM 112.00

JUMLAH AMAUN ALIRAN TUNAI
RM 1,340.00


[← Kembali](#) | [Muat Turun Dokumen](#) | [Cetak Dokumen](#)

2023© Keanthemes | [About](#) [Support](#) [Purchase](#)

Rajah 8 antara muka Laporan Aliran Tunai Bulanan Perniagaan

REKA BENTUK ANTARA MUKA DOKUMEN RANCANGAN PERNIAGAAN

Di bahagian ini, sistem akan memaparkan jadual yang akan memaparkan data setiap Dokumen Rancangan Perniagaan yang pernah disimpan dalam pangkalan data oleh pengguna. Di dalam jadual ini, terdapat satu butang “Jana” yang akan menjana dokumen rancangan perniagaan dalam bentuk fail (.doc).



Rajah 9 antara muka Penjanaan Dokumen Rancangan Perniagaan

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa sistem Smart Suripreneur dengan modul aliran tunai (Financiapreneur) adalah berjaya mencapai objektifnya dalam membantu dan memberi dorongan kepada golongan pemula perniagaan, terutamanya golongan suri rumah warga B40, yang ingin memulakan perniagaan dan perkhidmatan. Sistem ini telah mencipta satu platform berpusat yang menyediakan pelbagai fungsi perniagaan dan analisis aliran tunai bagi membimbing pengguna dalam menguruskan perniagaan dengan lebih berkesan.

Dalam perjalanan pelaksanaan projek ini, kami menghadapi pelbagai cabaran teknikal dan keperluan pengguna yang berbeza-beza. Komunikasi yang berterusan dan kerjasama yang erat di antara pasukan

projek memainkan peranan penting dalam mengatasi cabaran-cabaran ini. Penemuan dan pengenalan beberapa bidang yang boleh diperbaiki, seperti meningkatkan antara muka pengguna agar lebih mudah digunakan dan menambah fungsi tambahan untuk meningkatkan kebolegunaan, memberi inspirasi kepada kami untuk terus memperbaiki dan memantapkan sistem ini.

Kajian ini tidak akan mencapai kejayaannya tanpa sokongan dan sumbangan dari semua pihak yang terlibat. Saya ingin mengucapkan berterima kasih kepada pihak pengguna yang memberikan maklum balas berharga dan memberikan pandangan yang membantu dalam memperbaiki sistem. Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak berkepentingan lain yang memberikan sokongan dan dorongan, serta memberikan pandangan yang memberi inspirasi kepada kami untuk terus berusaha mencapai matlamat projek.

Dengan kesimpulan ini, saya yakin sistem Smart Suripreneur dengan modul aliran tunai (Financiapreneur) akan terus memberi manfaat dan menjadi aset berharga untuk organisasi dan saya sebagai pengguna. Saya berazam untuk terus memantapkan sistem ini dan menghadirkan penambahbaikan serta inovasi dalam masa hadapan. Sistem Financiapreneur ini akan terus membantu golongan pemula perniagaan dari kalangan B40 dalam mengurus dan mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih berjaya, memberikan impak positif kepada ekonomi negara, dan meningkatkan taraf hidup golongan B40 secara keseluruhan. Dengan kolaborasi dan usaha bersama, kita dapat meneruskan pertumbuhan dan kejayaan golongan perniagaan B40 serta menyokong pembangunan ekonomi negara untuk masa depan yang lebih baik.

Penghargaan

Pertama sekali saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Allah S.W.T tuhan semesta alam di atas limpah kurniaan dan rahmatNya kerana telah memberikan saya kekuatan dan kesempatan untuk

menyiapkan tesis ini dengan penuh tawakal dan reda kepadaNya. Alhamdulillah, dalam kesempatan ini, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Kok Ven Jyn di atas kesabaran dan kegigihan beliau dalam membimbing, membantu, memberikan nasihat dan memberi dorongan dalam menghasilkan tesis ini. Atas tekad, kebijaksanaan dan usaha beliau, dapatlah saya menjadi seorang penyelidik dan pelajar yang baik. Dalam kesempatan ini, ingin saya ucapkan penghargaan saya kepada barisan pensyarah di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia yang banyak membantu dan memberikan ilmu yang sewajarnya sepanjang pengajian saya di universiti tercinta ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya kasihi, Nor Azani Binti Mat Jusoh dan juga Saiful Amry Bin Ab Manaf di atas segala kasih sayang, doa, dorongan, nasihat dan galakan serta pengorbanan yang telah dilakukan bagi memastikan saya berjaya di dunia dan akhirat. Segala jasa dan pengorbanan sudah pastinya saya ingat seumur hidup saya. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan seperjuangan saya khususnya pelajar tahun 3 jurusan Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Sistem Maklumat) kerana banyak membantu dan bersama-sama menempuh onak dan duri sepanjang pengajian ini. Tanpa kalian, sudah pastinya kajian ini tidak mampu saya hasilkan. Semoga penyelidikan ini mampu memberi manfaat kepada ummah serta memberikan 1001 kebaikan kepada pihak yang terlibat.

RUJUKAN

- Open Source ERP and CRM | Odoo. (2022). website: <https://www.odoo.com/> [5 November 2022]
- Smart SuriPreneur. (2021). <http://103.159.133.102/ie-suricoach/sales/sales-details> [1 November 2022]
- Puteri Nur Insyirah Muhamad Azhar¹, Mohd Hishamuddin Abdul Rahman, Pembangunan Prototaip Laman Web Champ UPSI. (2022). <https://lamintang.org/journal/index.php/jetas/article/view/350/246>
- Faradillah, I., Omar, F., Pengurusan, Kolej, M., Islam, U., Selangor, A., ... Kolej, M. (2021). *INTERNET DAN USAHAWAN B40: SATU TINJAUAN AWAL* (pp. 2756–8938). Retrieved from <http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-085.pdf>
- Mempengaruhi, F.-F. Y., Usahawan, K., Tekun, W., Kajian, S., Daerah, D., Langat, H., ... Kunci, K. (2017). <http://conference.kuis.edu.my/icomm/4th/e proceedings/IC%20035.pdf>

- Enterpryze. (2021) November 26, 2022, GetApp website: <https://www.getapp.com/operations-management-software/a/enterpryze/>
- ECOUNT. (2022). December 1, 2022, GetApp website: <https://www.getapp.com/operations-management-software/a/ecount-erp/>
- Number 1 Inventory Platform for SMEs - Enterpryze. (2022, November 28) Business & Accounting Software website: <https://enterpryze.com/my/>
- ECOUNT. (2022). Widget function - Main screen setting per user | ECOUNT ERP. Ecount.com website: https://www.ecount.com/my/ecount/product/erp_widgets
- Mohd, A. (2005). *Memulakan bisnes sendiri*. PTS Professional.
- Berhad, T. N. (2001). Cadangan pembangunan kampus tetap Kolej Pengurusan Bisnes Universiti Tenaga Nasional Kampus Sultan Ahmad Shah Fasa 3-Library.
- Sharir, S. S., & Mohd Zaid, N. (2008). *Pembangunan Laman Web Pengaturcaraan C++ (fungsi dan tatasusunan) Menggunakan kaedah Pembelajaran Berasaskan Senario* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Loo, C. H., & Abdullah, Z. (2006). *Pembelajaran Berbantuan Komputer: Pembangunan laman Web Subjek Bahasa Pengaturcaraan I Bagi Tajuk struktur Kawalan Dan Pilihan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Muhammad Arif Fitry Bin Saiful Amry (A182362)
Dr. Kok Ven Jyn
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia